

# **GLOBALISASI SEBAGAI SATU KOLONIALISME BENTUK BARU DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

Nurul Hasliza Mohd Razmin

Nur Izzati Mohamad Anuar

Nur Dalila bt Mat Yusoff

Nik Malini Nik Mahdi

Lecturer, Faculty of Entrepreneurship and Business

Universiti Malaysia Kelantan

City Campus, Pengkalan Chepa

Locked Bag36, 16100 Kota Bharu

Kelantan, MALAYSIA

## **ABSTRAK**

Kolonialisme adalah amalan perluasan kuasa dan penguasaan negara, terutamanya dengan kawalan langsung ke atas wilayah politik atau ekonomi negara lain (Goldstein, J.S & Pevehouse, J.C, 2006). Pada masa kini, istilah imperialisme atau kolonialisme tidak lagi digunakan untuk menggambarkan sebagai penaklukan secara langsung tetapi lebih dikenali sebagai agenda tersembunyi. Berbeza dengan bentuk penjajahan pada abad yang lalu yang mana ia bersifat kekerasan dan paksaan. Namun penjajahan bentuk baru lebih kepada perubahan sikap, tanpa ada unsur paksaan dan kekerasan. Neo-kolonialisme begitu berkesan daripada penjajahan bentuk lama. Penulisan ini membincangkan bahawa fenomena globalisasi boleh memberi peluang kepada negara maju untuk memperluaskan penguasaan mereka ke atas negara mundur atau sedang membangun. Teori *Modern World System* yang diperkenalkan oleh Immanuel Wallenstein pada abad ke-16 akan digunakan untuk membuktikan bahawa penjajahan bentuk baru wujud dalam era globalisasi. Syarikat multinasional (MNC), institusi kewangan antarabangsa seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia dilihat sebagai alat oleh negara yang berkuasa untuk mengawal negara membangun.

Kata kunci : *Globalisasi, kolonialisme bentuk baru, core, periphery, semi-periphery, syarikat multinasional (MNCs), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dan Bank Dunia/World Bank.*

## **1. Pengenalan**

Globalisasi secara ringkasnya boleh ditakrifkan sebagai proses membuang sempadan negara-negara di dunia supaya menjadi lebih rapat dan bergabung antara satu sama lain (Chee Ping Lim, 1997). Dalam keadaan ini setiap negara akan menerima satu keadaan yang lebih terbuka dengan wujudnya pembangunan teknologi yang canggih dan kewujudan idea yang membawa kepada keperluan pembangunan semasa pada era globalisasi. Dalam konteks ekonomi, ianya melihat kepada pembukaan pasaran dan pengaliran modal secara meluas di dalam satu pasaran tunggal. Namun yang demikian, kajian ini akan membuktikan tentang kewujudan globalisasi sebagai satu peluang yang membawa kepada kolonialisme era baru yang mampu memberi kesan kepada ekonomi. Model *Modern World System* yang diutarakan oleh Emmanuel Wallerstein pada abad ke 16 yang menyatakan negara *Core* akan cuba untuk mempengaruhi negara *Periphery* dan negara *Semi periphery* yang memiliki pelbagai aspek sumber akan dikaitkan bagi membuktikan tentang keberkesanan model tersebut dalam menjelaskan tentang kolonialisme yang wujud dalam era globalisasi dan alat-alat yang dikatakan diguna oleh negara maju secara tidak langsung seperti MNCs, WTO, peranan organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF. Selain itu juga, hasil daripada fenomena yang berlaku, kesan-kesan daripada keadaan tersebut akan dilihat terutamanya dalam prospek negara sedang membangun dan negara mundur yang dikatakan mampu menjejaskan kestabilan ekonomi serta kedaulatan sesebuah negara.

## **2. Globalisasi dan kolonialisme dan hubungkait dengan teori *Modern World System***

Apabila berlaku keterbukaan dari aspek sempadan, setiap negara samada negara kaya atau mundur akan berdepan dengan ruang yang dikatakan lebih bebas terutamanya dari aspek teknologi dan pengaliran kepentingan ekonomi. Namun apabila keterbukaan ini terlalu digunakan sepenuhnya oleh negara yang mempunyai modal yang banyak iaitu negara maju keatas negara mundur, maka ianya telah ditafsirkan sebagai satu kolonialisme bentuk baru. Menurut Chossudovsky (2007). 'Pada abad kedua puluh, penaklukan negara bermaksud 'kawalan ke atas aset produktif, buruh, sumber asli'. Tidak ada keperluan untuk menjajah negara atau menghantar serangan tentera seperti yang dilakukan oleh imperialis terdahulu.

Menurut Wallerstein, '*world-system* adalah sistem sosial, yang mempunyai sempadan, struktur, ahli kumpulan, peraturan, legitimasi, dan kepaduan' Carlos A. Martínez Vela (2001).

Melihat kepada aspek model yang diutarakan oleh Wallerstein telah jelas melihat pembahagian keupayaan negara kepada tiga bahagian yang mana negara yang memiliki modal atau dana yang kukuh merupakan negara maju atau *Core* manakala negara yang memonopoli sumber asli dan buruh merupakan negara yang mundur (*Periphery*) dan sedang membangun (*semi-Periphery*). Rujuk Rajah 1 di lampiran. Melalui pendekatan imperialisme melalui pembahagian kelompok, model ini melihat negara berkuasa dan kaya "core" mendominasi dan mengeksploitasi negara yang lemah dan miskin "peripheral".

Pada abad yang menuju kepada perkembangan idea globalisasi, model ini telah memberi kesan apabila negara maju merasakan keupayaan mereka adalah tinggi untuk mempengaruhi dan menguasai negara yang mundur untuk memenuhi keperluan yang dianggap penting. Manakala negara mundur pula bertanggapan mereka perlu bergantung dengan negara maju bagi membangunkan tahap mereka kepada keadaan yang tidak stabil. Peluang yang diambil oleh negara maju membawa kepada perdagangan yang tidak stabil. Di dalam model ini telah jelas menunjukkan keadaan yang wujud di dalam era globalisasi yang dimanfaatkan oleh negara maju. Keadaan tersebut telah memberi gambaran tentang ancaman kepada kedaulatan negara dunia ketiga sekiranya kebergantungan terhadap negara maju tinggi (Wallerstein, 1976).

### **3. Alat-alat Kolonialisme bentuk Baru**

Globalisasi merupakan produk yang dihasilkan oleh negara-negara maju dunia dalam usaha memastikan negara-negara lain sentiasa berada di bawah pengaruh mereka. Aktor-aktor globalisasi yang akan di beri tumpuan di dalam kajian ini adalah MNCs, WTO, IMF dan *World Bank* yang memainkan peranan dalam bidang ekonomi global.

#### **(i) Syarikat Multinasional (MNCs)**

MNCs umumnya ialah syarikat/perbadanan yang beroperasi sama ada di dua ataupun lebih daripada dua buah negara asing secara serentak melalui usaha sama, subsidiari milik penuh dan cawangan yang dikawal oleh satu perbadanan induk. Kebanyakan MNCs adalah dimiliki oleh negara maju seperti Amerika Syarikat (US) dan Kesatuan Eropah (EU) yang mana mempunyai dana yang banyak dan kukuh dan sering mencari ruang pelaburan di negara dunia ketiga bagi memperoleh sumber asli yang banyak dan sumber buruh yang murah bagi meminimumkan kos dan memaksimumkan keuntungan. Agenda yang dibawa oleh MNCs adalah merupakan agenda moden yang sangat diperlukan oleh negara yang kurang berdepan dengan pembangunan seperti elemen teknologi, kepakaran, pelaburan bagi menambah pendapatan negara dan banyak lagi.

Namun MNCs secara jelasnya akan cuba untuk meneliti ruang yang ada agar mereka dapat mencapai matlamat yang sebenar mereka iaitu mengaut keuntungan. Banyak analisis ekonomi antarabangsa berpendapat bahawa MNCs memiliki tiga perkara yang mampu mengukuhkan keupayaan mereka iaitu peningkatan kecanggihan ekonomi, pembangunan mobiliti modal dan keupayaan mengawal negara bangsa dengan menggunakan kunci sesuatu industri (Carriere,2000).

Bagi negara yang kurang membangun, mereka amat memerlukan penglibatan MNCs masuk ke negara mereka agar pelaburan secara terus dapat menambahkan pendapatan negara namun mereka terpaksa berdepan dengan risiko pengaliran matawang yang tidak seimbang di dalam perdagangan kerana keperluan untuk mengukuhkan kedaulatan dan kestabilan negara dan juga untuk memenuhi permintaan masyarakat umum. Apabila sesebuah negara memberi kebenaran kepada kemasukan pelaburan, ianya merupakan langkah awal untuk negara maju memonopoli kepentingan negara terbabit. Kelemahan dalam pengetahuan berhubung dengan ekonomi akan memabawa kesan buruk kepada negara dunia ketiga kerana MNCs yang bertapak di negara terbabit mampu untuk memberi tekanan kepada kerajaan juga.

Kewujudan MNCs di negara Dunia Ketiga untuk tujuan membangunkan ekonomi telah meyebabkan mereka terluak bergantung kepada MNCs. Ini kerana kebanyakan modal dan teknologi adalah datangnya dari MNCs telah meyebabkan negara membangun bergantung kepada negara maju demi kemajuan ekonomi. Pergantungan ini pastinya memberi impak negatif kepada negara Dunia Ketiga kerana segala keputusan seperti pemilikan sepenuhnya

aset, perjalanan syarikat serta keuntungan dalam perniagaan terletak sepenuhnya kepada syarikat induk di negara maju. Kesannya menyebabkan negara Dunia Ketiga mengikut sahaja halatuju dan keputusan dari dari syarikat negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat. Contohnya Malaysia masih bergantung kepada teknologi dalam penghasilan komponen-komponen penting dalam pembuatan kenderaan khususnya dari Jepun.

**(ii) Organisasi Kewangan Antarabangsa: World Bank dan IMF**

Bagi mengawal sistem kewangan dunia World Bank dan IMF ditubuhkan di bawah *Bretton Woods System* ketika Perang Dunia Kedua. Dua badan ini berperanan mengurustadbir sistem kewangan dunia dan menjadi pemantau ekonomi yang utama. IMF memberikan pinjaman untuk jangka masa pendek iaitu sekiranya mengalami krisis matawang manakala World Bank pula menyediakan pinjaman untuk jangka masa panjang iaitu berbentuk pinjaman pembangunan.

Kedua organisasi ini mendapat modal daripada kuota pembayaran yuran daripada negara yang menjadi anggota mereka. Kuota yang tertinggi akan memiliki undian yang tertinggi. Amerika Syarikat yang memiliki undian yang tertinggi dalam IMF and Bank Dunia. ‘America yang berkuasa memilih presiden badan terbabit, dan presiden dilantik adalah warganegara Amerika’ (Wade, 2002). Terdapat juga ‘*Gentleman agreement*’ di antara Negara Amerika dan Negara-negara Eropah di mana IMF diketuai oleh wakil daripada benua Eropah dan Bank Dunia diketuai orang Amerika. Swedberg (1986) menyatakan ‘secara tradisinya Presiden Bank Dunia adalah warganegara Amerika manakalah pengarah urusan IMF adalah di kalangan orang Eropah’.

Inilah kekuatan negara maju untuk menguasai negara dunia ketiga melalui organisasi yang dibentuk melalui pakatan negara yang setaraf dengan mereka. Malahan penguasaan organisasi oleh negara maju telah memberi ruang kepada mereka untuk melemahkan negara mundur yang terlibat di dalam aktiviti pinjaman yang dicipta oleh mereka. Negara mundur yang membuat pinjaman akan mengalami situasi apabila mereka tidak mampu untuk

melangsaikan hutang dan akibatnya negara yang berkuasa akan mencampuri setiap urusan dalaman negara. Antara negara yang terlibat di dalam elemen pinjaman ini adalah seperti Indonesia, Afghanistan, Ghana, Nicaragua dan banyak lagi. Badan ini menjadi kolonialisme apabila ruang yang diambil untuk melemahkan kedudukan negara mundur dan mengambil kepentingan negara tanpa sekatan.

### **(iii) *World Trade Organization (WTO)***

Selain itu, negara maju juga berpengaruh di dalam WTO yang mana merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan perjalanan perdagangan dunia. Kebebasan dalam perdagangan dan ekonomi membawa kepada pengurangan kawalan perdagangan dan menjadikan sistem ekonomi dunia yang semakin bebas. Menurut Ravenhill (2006) *General Agreement on Tariff and Trade (GATT)* yang diketuai Amerika Syarikat, khususnya yang kemudiannya di kembangkan kepada World Trade Organisation (WTO) merupakan 'mekanisme untuk memastikan negara-negara mengurangkan kawalan dan mengurangkan tarif mereka'. Sempadan negara juga secara relatifnya terbuka dan terdapat pergerakan modal yang besar.

Matlamat WTO adalah untuk mengurangkan halangan cukai dan bukan cukai dikalangan negara ahli dalam dunia ekonomi global yang wujud dalam era globalisasi. Namun yang demikian, WTO telah menjadi isu apabila penglibatan mereka mampu memberi kemungkinan kepada negara untuk kehilangan kedaulatan, ancaman kepada pasaran, persekitaran, buruh dan sumber apabila penghapusan cukai dikenakan. Ini kerana keadaan ini memberi kebebasan kepada negara maju untuk menikmati pasaran yang liberal dengan agenda kepentingan sendiri.

Fenomena ini telah membawa kesan terutamanya kepada negara dunia ketiga yang menerima kesan daripada globalisasi dunia yang digunakan oleh negara maju untuk memenuhi kehendak mereka.

## **4. Kesan kolonialisme bentuk baru kepada negara sedang membangun dan mundur**

### (i) MNCs

Dalam globalisasi ekonomi telah berlaku peningkatan secara tidak langsung dalam kebergantungan perniagaan contohnya pelaburan asing di dalam aktiviti ekonomi sesebuah negara. Globalisasi juga sering dikaitkan dengan liberalisasi iaitu keterbukaan ekonomi sesebuah negara kepada negara-negara yang lain. Cogan kata- “pembentukan dunia tanpa sempadan” telah menimbulkan pelbagai implikasi yang tidak dijangkakan. Antara kesan globalisasi dalam ekonomi ialah mewujudkan persaingan antara industri tempatan dengan syarikat-syarikat luar, pengeksploitasian sumber dan pasaran, ketidakseimbangan pendapatan perkapita di antara negara maju dan negara membangun dan kesan daripada pemindahan teknologi (Mingguan Malaysia, 2001).

Negara maju dan MNCs telah menguasai ekonomi kebanyakan negara membangun memandangkan mereka mempunyai sumber modal yang banyak serta pasaran yang luas. Kemasukan MNCs menyebabkan firma dan syarikat tempatan dalam sesebuah industri semakin berkurangan atas faktor tidak berdaya saing dan terpaksa tersisih keluar daripada pasaran. Selain itu, ia juga menyebabkan pasaran tempatan menjadi semakin kecil kerana pasaran telah mula dimonopoli oleh syarikat asing.

Kesan seterusnya ialah pengeksploitasian sumber baik dari segi sumber bahan mentah mahupun buruh. Kebanyakan negara membangun mempunyai sumber bahan mentah yang banyak dan eksport komoditi ini penting dalam pertumbuhan ekonomi negara membangun. Namun dalam memasarkan bahan-bahan mentah ini mereka terpaksa berhadapan dengan manipulasi negara-negara pengguna terutama barat. MNCs telah menguasai sebahagian besar daripada bidang pengeluaran dan perdagangan di negara membangun. Mereka selalunya mengaut keuntungan yang banyak dengan membayar upahan yang rendah dan menjual mahal hasil pengeluaran syarikat mereka. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan negara membangun sukar untuk meningkatkan taraf ekonomi negara. Syarikat asing juga selalunya mengaut keuntungan yang banyak dengan membayar upahan yang rendah dan menjual hasil pengeluaran syarikat mereka dengan harga yang tinggi. Contohnya MNCs telah menguasai sebahagian besar daripada bidang pengeluaran dan perdagangan di negara membangun. (Utusan Malaysia, 2000).

Walaupun ada prinsip timbal balik dalam perdagangan namun ia tidak diamalkan dalam erti kata yang sebenar. Ini kerana walaupun negara membangun mendapat pulangan dari hasil eksport mereka namun ia tidak setara dengan keuntungan yang diperolehi oleh negara maju apabila menjual barangan siap. Pelaksanaan prinsip timbal balik adalah tidak memuaskan kerana pasaran mereka hanya terhad ke negara maju dan akhirnya negara membangun kehilangan kuasa tawar-menawar dan peluang mereka untuk mendapatkan keuntungan dari barangan eksport mereka tidak akan tercapai. Ketidakseimbangan kekayaan dunia menunjukkan negara miskin semakin miskin dan negara kaya semakin kaya. Menurut laporan Human Development Report (2000) meskipun terdapat pertumbuhan pendapatan per kapita yang tinggi dalam era globalisasi namun tidak semua negara mampu menikmatinya. Ini kerana hanya mereka yang berdaya saing sahaja mampu bertahan dan memaksimumkan keuntungan dalam era ekonomi global (Mingguan Malaysia, 2001).

Struktur ekonomi antarabangsa pada era globalisasi ini tidak lebih daripada menguntungkan negara maju sahaja. Dalam hal ini dilihat bahawa kekayaan ekonomi tidak diagih secara adil. Ini terbukti apabila wujud keadaan di mana sebahagian besar ekonomi dunia dimonopoli oleh sebahagian kecil penduduk dunia manakala majority pula berkongsi sebahagian kecil kekayaan ekonomi tersebut. Realitinya sebahagian besar kekayaan ekonomi dunia tersebut dikuasai oleh negara maju atau negara industri seperti Jepun dan negara-negara Eropah yang lain. Bertentangan dengan itu, negara-negara yang terletak di Asia, Afrika dan Amerika Latin merupakan negara yang berkongsi sebahagian kecil kekayaan ekonomi dunia. Ini jelas menunjukkan pengagihan ekonomi dunia yang tidak sama rata sedangkan negara membangun mempunyai sumber yang banyak sehingga membolehkan negara-negara maju menjadi kaya-raya (Aris Omar, 1996). 'Hakikat bahawa beberapa aset arahan MNC bernilai lebih daripada pendapatan negara-negara tuan rumah mereka juga mengukuhkan imej negatif mereka' (Ahiakpor, J.C.W, 1992). Penggunaan bahan berbahaya dalam formula susu bayi yang dikeluarkan oleh Nestle di negara dunia ketiga, kebocoran gas dari kilang Union Carbide plant di Bhopal, India, dan dakwaan penglibatan syarikat-syarikat asing dalam penggulingan Presiden Allende dari Chile membuktikan lagi kesan buruk MNCs.



### ***(ii) Prosedur Pinjaman Kewangan World Bank dan IMF***

Kebanyakan polisi yang diusulkan oleh organisasi ini adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Namun yang demikian, banyak persoalan yang timbul apabila pinjaman yang diberikan tidak berupaya mengurangkan kadar kemiskinan malahan semakin bermasalah apabila mereka terikat dengan kadar bunga yang tinggi. Sebagai contoh IMF yang memberi pinjaman kepada negara yang mengalami masalah krisis kewangan seperti yang berlaku semasa krisis ekonomi pada tahun 1997 namun negara-negara berkenaan gagal untuk mengukuhkan matawang mereka malah turut mengalami kesan yang nyata apabila setelah melakukan pinjaman. Mereka harus menuruti segala peraturan yang telah ditetapkan dan kadar bungan yang tinggi membawa kepada campur tangan dalaman dari negara maju. Negara yang mundur akan terus terikat dengan hutang yang semakin banyak dan mereka tidak mampu untuk menjalankan pembangunan negara (Ralph Setzer, 2006).

Pinjaman daripada badan berkenaan tidak datang secara percuma. Mereka terikat dengan syarat yang amat ketat 'structural adjustment'. Menurut Danaher (1994) seperti yang dipetik dari Pease, S.K & Pease, S.K. (2008), 'badan ini memberi syarat kepada negara penghutang syarat untuk melaksanakan reformasi pasaran konvensional seperti menjual syarikat milik negara kepada sektor swasta menaikkan harga barang bagi produk agrikultur, menjatuhkan nilai matawang tempatan, mengurangkan perbelanjaan kerajaan, pengstruktur semula cukai, mengalakkan pasaran bebas dan menarik pelabur asing. Negara yang menerima pinjaman daripada organisasi ini haruslah mematuhi 'structural adjustment loan program' untuk memastikan negara core menerima barangan yang murah dan multinational corporations yang berasal dari negara core menerima keuntungan yang besar' (Abouharb & Cingranelli as cited in Ranis, G et al., 2006).

Pemimpin IMF juga gagal melaksanakan tadbir urus dan pembaharuan kuota yang dipersetujui pada tahun 2010 pada mesyuarat tahunan di Tokyo pada Oktober 2012, menyebabkan kebimbangan besar negara pasaran baru "new emerging countries" dan banyak negara-negara membangun. Kebanyakan sumber kewangan yang diperolehi oleh Managing Director Christine Lagarde berjumlah hampir \$438 billion pada Jun 2012, bergantung sepenuhnya pada sumbangan beberapa negara emerging economies, termasuk China dan Brazil, manakala tidak termasuk United States (Gross, G. Alcidi, C and Giovanni, A, 2013).

### ***(iii) Pertikaian Piagam WTO***

Perjalanan operasi WTO pada asalnya dilihat ada kelebihannya bagi menstabilkan perdagangan dunia yang melibatkan semua negara. Namun apa yang menjadi masalah apabila kewujudan WTO adalah diasas oleh negara yang maju dan mereka mempunyai outoriti untuk membuat keputusan melalui penguasaan organisasi tersebut. Banyak negara di dunia terutamanya negara dunia ketiga yang beranggapan bahawa piagam yang termeterai oleh WTO adalah tidak dilaksanakan sepenuhnya. Antaranya, menurut Artikel 1 *The Most Favored Nation Clause* yang menyatakan bahawa layanan yang sama rata diberikan kepada semua ahli WTO. Namun, persoalannya pada setiap perundingan ataupun operasi yang melibatkan negara maju diberikan keutamaan tetapi bagi negara mundur pula dibelakangkan. Maka ianya tidak ditegaskan seperti yang telah dinyatakan. Sebagai contoh apabila Mexico membawa kes aduan kepada WTO berkenaan isu meletakkan syarat penggunaan “dolphin-safe” label oleh US pada produk tuna di bawah artikel 2.1 *Technical Barrier on Trade* (TBT) pada tahun 2008, panel memutuskan tiada diskriminasi dalam penggunaan label berkenaan. Ia amat bercanggah dengan Article 2.1 dan 2.2 TBT. Hakikatnya, US “dolphin-safe” adalah lebih kepada sekatan perdagangan daripada keperluan untuk memenuhi objektif sah US. (WTO Dispute Settlement Report, 2012).


Bagi artikel XXIV iaitu *Customs Unions and Free Trade Areas* pula dikatakan bahawa tidak wujud prinsip tidak diskriminasi antara negara anggota serantau dengan negara keahlian WTO. Secara realitinya, apabila sesebuah organisasi serantau dibentuk seperti EU, ASEAN (Asia Tenggara), North America Free Trade Agreement (NAFTA) dan MERCOSUR (Brazil, Argentina, Paraguay dan Uruguay), ianya akan memberikan keutamaan kepada ahli. Sebagai contoh, cukai sesuatu barangan ataupun perkhidmatan diberikan secara berbeza diantara ahli dan bukan ahli serantau. Maka secara jelasnya, telah wujud diskriminasi dan ianya tidak sama seperti yang telah diutarakan dalam piagam WTO.

## **5. Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, globalisasi membawa implikasi kepada perkembangan kolonialisme dalam bentuk baru yang kebanyakannya dikuasai oleh negara maju. Dalam keadaan sedemikian, organisasi antarabangsa, MNCs dan pertubuhan perdagangan dunia yang menjadi tunggak kepada penjajahan dalam bentuk baru dengan menggunakan idea pembangunan untuk menarik minat negara dunia ketiga untuk mengikut arus yang dirangka oleh mereka. Dengan ini, negara dunia ketiga akan terus terikat dengan perjanjian yang telah dilaksanakan dengan harapan dapat membangunkan negara mereka tetapi hakikatnya adalah membawa kemunduran yang lebih keatas ekonomi mereka. Para anggota negara maju akan menggunakan sepenuhnya alat globalisasi yang mampu menjana kepentingan mereka secara keseluruhannya. Perubahan dan ketidaktentuan yang disebabkan oleh globalisasi menyediakan peluang dan juga ancaman bagi setiap individu mahupun kumpulan. Mereka yang pandai mengambil kesempatan daripada fenomena ini menikmati peluang, manakala yang terpinggir daripada trend ini menerima keadaan yang lebih buruk.

## **LAMPIRAN**

Rajah 1



Peta menunjukkan kedudukan negara Core-Periphery

Sumber: Dunn, Kawana, Brewer (2000).